



Ruj. Kami : JPA.BK(S)134/8/85 Jld.2 (10)
Tarikh : 6 Mei 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, .

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN SETIAUSAHA PEJABAT
GRED N36 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, JPA sedang dalam proses persediaan pengisian kekosongan jawatan Setiausaha Pejabat Gred N36 di seluruh Malaysia dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk mengemukakan maklumat Setiausaha Pejabat Gred N32 yang layak dipertimbangkan pemangkuan ke Gred N36 berdasarkan syarat-syarat berikut:

- 2.1 Telah dinaikkan pangkat ke Setiausaha Pejabat Gred N32 pada 31 Disember 2015 dan sebelum;
- 2.2 Markah LNPT tahun terkini (2020) dan wajaran LNPT bagi 3 tahun terkini (2018, 2019 dan 2020) tidak kurang 80%;
- 2.3 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan disertakan);
- 2.4 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.5 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;

2/...

2.6 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan

2.7 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A**, **Lampiran B** dan **Lampiran C** seperti disertakan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai dari Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 31 Mei 2021** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

5. Dimaklumkan juga bahawa, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan **hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2** sahaja dikemukakan ke JPA. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (buku rekod perkhidmatan tidak perlu disertakan). Sebarang kesilapan fakta boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Puan Nor Haslina binti Ibrahim - 03-8885 4311
(haslina.ibrahim@jpa.gov.my)
- ii. Puan Nur Amirah Amanina binti Mohd Dzohiri - 03-8885 4939
(amirah.dzohiri@jpa.gov.my)

7. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

☎ : 03-8885 4110

✉ : nursara.abdullah@jpa.gov.my